KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



PERSIDANGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

30 NOV - 2 DIS (ISNIN - RABU)

2026

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

BERSAMA MEMBINA NEGARA BANGSA

MALAYSIA MADANI

Pengenalan

Pembinaan negara bangsa merupakan agenda strategik berterusan bagi memperkukuh identiti kebangsaan, perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan Malaysia. Sehubungan itu, Persidangan Pembinaan Negara Bangsa menjadi wadah menghimpunkan pelbagai pemegang taruh untuk membincangkan hala tuju, cabaran dan pendekatan strategik serta merumuskan cadangan bagi memperkukuh pembinaan negara bangsa di peringkat nasional, wilayah dan komuniti.

Objektif

Menyediakan platform wacana nasional bagi membincangkan hala tuju pembentukan negara bangsa selaras dengan matlamat yang digagaskan di bawah RMK13.

Tema

Bersama Membina Negara Bangsa

Sekapur Sirih

YAB Perdana Menteri



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, saya mengalu-alukan penganjuran Persidangan Pembinaan Negara Bangsa oleh Kementerian Perpaduan Negara. Persidangan ini menggalas amanah besar untuk memeterai kesepakatan nasional dan melakar hala tuju bersama, demi menjulang masa depan Malaysia yang utuh bersatu, berdaulat, dan makmur sejahtera.

Kesepakatan ini berpaksikan keluhuran Perlembagaan Persekutuan, penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kesetiaan kepada negara. Berteraskan asas tersebut, kepelbagaian etnik, agama, budaya dan wilayah perlu dipertaut melalui identiti kebangsaan yang mengukuhkan rasa memiliki tanah air.

Tanggungjawab bersama ini bertambah kukuh apabila rakyat merasai mereka berada dalam sebuah negara yang dikongsi secara adil dan saksama. Peluang yang saksama, manfaat pembangunan yang dinikmati bersama dan institusi yang dipercayai memperteguh keyakinan rakyat terhadap tadbir urus negara. Keyakinan tersebut adalah antara asas yang boleh mengukuhkan perpaduan, manakala perpaduan menyediakan landasan bagi pembangunan yang stabil dan mampan.

Hubungan erat antara perpaduan dan pembangunan inilah yang mendasari aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026–2030 dalam pembentukan negara bangsa. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, usaha ini menuntut kesepaduan dasar, pembangunan sosial yang inklusif dan penyertaan seluruh institusi masyarakat. Usaha bersama ini perlu berteraskan wahdatul fikr, wahdatul 'amal dan wahdatul ghayah, yakni kesatuan pemikiran, kesatuan gerak kerja dan kesatuan matlamat.

Bagi merintis hala tuju dan kebersamaan tersebut, persidangan ini menghimpunkan pemimpin, sarjana, pembuat dasar dan masyarakat untuk meneliti cabaran serta menyepakati keutamaan negara. Saya mengharapkan persidangan ini menghasilkan kesepakatan dan resolusi yang memperkukuh pertimbangan dasar serta menggerakkan tanggungjawab bersama dalam pembinaan negara bangsa. Komitmen ini perlu diteruskan demi mewariskan sebuah negara yang aman, bermaruah, progresif dan bersatu padu kepada generasi akan datang.

Tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan semua pihak yang menjayakan persidangan ini. Selamat bersidang.

ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri



Seulas Pinang
YB Menteri Perpaduan

Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Pembinaan negara bangsa merupakan agenda strategik negara yang penting bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara majmuk yang aman, stabil, berdaulat dan dihormati. Pembinaan negara bangsa merupakan proses berterusan dalam membina identiti kebangsaan, rasa kepunyaan bersama, kepercayaan antara komuniti dan kesetiaan kepada asas kenegaraan negara.

Persidangan ini seharusnya menjadi ruang untuk membina jaringan strategik merentas pelbagai organisasi dan institusi agar menjadi pemacu kepada pengukuhan kefahaman dan tanggungjawab bersama dalam menjayakan agenda pembinaan negara bangsa. Atas kepentingan gerak usaha yang sinergi, kefahaman bersama tersebut perlu diterjemahkan kepada kerjasama yang berterusan dan bersepadu melibatkan semua pihak.

Melalui pembentangan kertas, diskusi dan perbincangan yang dilaksanakan, saya berharap persidangan ini dapat merumuskan dan memperkukuh kefahaman tentang pembinaan negara bangsa. Rumusan tersebut diharapkan dapat diterjemahkan kepada satu resolusi yang signifikan serta relevan dengan realiti fabrik sosial dalam negara kita, seterusnya dapat memandu kita merealisasikan aspirasi pembinaan negara bangsa yang dihasratkan.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak dalam menjayakan persidangan ini khususnya para pembentang, moderator, peserta dan rakan strategik atas komitmen dan sumbangan dalam merealisasikan persidangan ini. Selamat bersidang.

AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

Selayang Pandang
Ketua Setiausaha

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Saya mengalu-alukan kehadiran para peserta ke Persidangan Pembinaan Negara Bangsa yang berlangsung pada 30 November hingga 2 Disember 2026 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Penganjuran persidangan ini menyediakan ruang perkongsian ilmu bagi menyokong pelaksanaan agenda Pembentukan Negara Bangsa dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026–2030 (RMK13). Pembentangan kertas dan sesi perbincangan dalam persidangan ini adalah satu manifestasi bahawa ruang diskusi dan konsultasi dibuka sewajarnya untuk mengumpul buah fikiran dan mendapatkan pelbagai pandangan bagi merealisasikan hala tuju dan usaha-usaha membina negara bangsa yang digagaskan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

Justeru, saya menyeru semua peserta agar memanfaatkan peluang bertukar pandangan dengan para sarjana dalam persidangan ini bagi memperoleh input yang bernilai untuk memperkukuh usaha pembinaan negara bangsa mengikut peranan dan bidang masing-masing. Saya mengharapkan hasil perbincangan serta perkongsian pandangan sepanjang persidangan ini dapat dirumuskan sebagai cadangan yang praktikal untuk memandu usaha pembinaan negara bangsa dengan lebih terarah dan berkesan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur, urus setia serta warga KPN atas komitmen menjayakan persidangan ini. Penghargaan turut ditujukan kepada para pembentang, moderator, peserta dan rakan strategik atas sumbangan ilmu serta kerjasama yang diberikan.

Semoga persidangan ini berjalan lancar dan menjadi titik tolak yang memperkukuh usaha membina negara bangsa kita bersama. Selamat bersidang.

HASLINA ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara





MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Tarikh : 30 November 2026 (Isnin)
Masa : 10.30 pagi hingga 1.00 tengah hari
Tempat : Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

MASA	ATUR CARA
10.30 pg	Ketibaan Para Jemputan Ketibaan Dif-dif Kenamaan
10.45 pg	**Ketibaan YB Datuk Aaron Ago Dagang** Menteri Perpaduan Negara
11.00 pg	**Ketibaan YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof** Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Lafaz Ikrar Rukun Negara
	Bacaan Doa
	Ucapan Alu-aluan oleh YB Menteri Perpaduan Negara
	Ucaptama Pembukaan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri
	Tayangan Montaj
	Sesi bergambar bersama YAB Timbalan Perdana Menteri
	YAB Timbalan Perdana Menteri melawat ruang pameran
1.00 tgh	YAB Timbalan Perdana Menteri meninggalkan majlis



RUMUSAN PERSIDANGAN DAN MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERSIDANGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Tarikh : 2 Disember 2026 (Rabu)
Masa : 2.30 hingga 4.30 petang
Tempat : Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

MASA	ATUR CARA
2.30 ptg	Ketibaan Para Jemputan Ketibaan Dif-dif Kenamaan
2.45 ptg	**Ketibaan YB Datuk Aaron Ago Dagang** Menteri Perpaduan Negara
3.00 ptg	**Ketibaan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim** Perdana Menteri
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Lafaz Ikrar Rukun Negara
	Bacaan Doa
	Ucapan Alu-aluan oleh YB Menteri Perpaduan Negara
	Ucapan Rumusan Persidangan dan Penutup oleh YAB Perdana Menteri
	Tayangan Montaj
	Sesi bergambar bersama YAB Perdana Menteri
	YAB Perdana Menteri melawat ruang pameran
4.30 ptg	YAB Perdana Menteri meninggalkan majlis

HARI PERTAMA: 30 NOVEMBER 2026 (ISNIN)

2.30 ptg – 4.30 ptg

SESI 1 : PERLEMBAGAAN & RUKUN NEGARA TERAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA

UCAPTAMA SESI 1



Tajuk : Perlembagaan Persekutuan & Rukun Negara : Tonggak Negara Bangsa

YAA Tun Wan Ahmad Farid Wan Salleh
Ketua Hakim Negara

Berpengalaman dalam ketiga-tiga cabang kerajaan, termasuk sebagai Ahli Dewan Negara dan Timbalan Menteri. Beliau pernah beramal sebagai peguam bela dan peguam cara sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 2015. Beliau seterusnya berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan Hakim Mahkamah Rayuan sebelum dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 28 Julai 2025.

KERTAS 1



Panel Pembentang:

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj. Shad Saleem Faruqi
Felo Penyelidik Kanan, Universiti Malaya

Tajuk : Perlembagaan Persekutuan : Tiang Seri Kedaulatan & Kesatuan Negara Bangsa

Pakar undang-undang perlembagaan dan reformasi undang-undang yang berpengalaman luas dalam bidang akademik dan perundangan. Beliau ialah Felo Penyelidik Kanan di Universiti Malaya dan Profesor Emeritus Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

KERTAS 2



Panel Pembentang:

YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahayu Ab Aziz
Pensyarah Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Tajuk : Penghayatan Rukun Negara : Memperkukuh Perpaduan & Membina Jati Diri Bangsa

Mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang undang-undang perlembagaan, syariah dan hak asasi manusia. Beliau berkhidmat di Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan merupakan Ahli Lembaga Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN).

MODERATOR



YBrs. Dr. Sheila Ramalingam
Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

Mempunyai kepakaran dalam undang-undang perlembagaan, sistem perundangan Malaysia, undang-undang tort dan undang-undang alam sekitar, serta penglibatan dalam penyelidikan hak asasi manusia. Beliau ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, dan pernah beramal sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya.

HARI KEDUA : 1 DISEMBER 2026 (SELASA)

9.00 pg - 10.30 pg

BUAL BICARA SENI

Tajuk : Panggung Kehidupan, Cerminan Bangsa

Pelakon Pi Mai Pi Mai Tang Tu



Tuan Mohd Sabri Yunus

Penggiat seni yang berpengalaman dalam bidang lakonan, pengarahan dan penulisan skrip. Beliau dikenali menerusi watak Wan Ismail Golok dalam sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu serta karya arahannya, termasuk Pok Ya Cong Codei dan Duan Nago Bogho.



Puan Angeline Tan

Pelakon yang berpengalaman dalam produksi berbahasa Melayu dan Mandarin serta dikenali menerusi watak Lucy dalam sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Beliau menerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun 2025 bagi kategori Saudara Baru Cemerlang (Mualaf).



Tuan Sathiya

Pelakon dan pelawak yang memulakan kerjaya menerusi karya berbahasa Tamil sebelum dikenali dengan watak Ravi dalam sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Beliau memenangi kategori Artis Bukan Melayu Popular, Anugerah Bintang Popular Berita Harian bagi 1998/1999, dan dipilih sebagai pengisi suara watak Roti bagi projek filem animasi Zan Orangutan terbitan KRU Studios.

MODERATOR



Tuan Luqman Hariz

Hos & Wartawan Astro AWANI

Pengacara, wartawan dan penerbit Astro AWANI yang berpengalaman dalam kewartawanan dan penyiaran. Beliau mempunyai pengalaman sebagai moderator, pengacara majlis dan penceramah dalam pelbagai persidangan serta forum, di samping melaksanakan tugasan kewartawanan di dalam dan luar negara.

HARI KEDUA : 1 DISEMBER 2026 (SELASA)

11.00 pg – 2.30 ptg

SESI 2 : WARISAN DAN SEJARAH: AKAR DAN IDENTITI NASIONAL

UCAPTAMA SESI 2



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong

Mantan Felo Utama, Institusi Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia

Tajuk : Biru Kad Pengenalan Kita : Literasi Sejarah, Identiti Nasional & Keutuhan Negara Bangsa

Pakar dalam sosiologi pembangunan, negara bangsa, etnisiti, transformasi sosial dan globalisasi. Beliau pernah mengetuai pasukan penggubalan Pelan Integriti Nasional dan penyediaan kertas konsep penubuhan Institut Integriti Malaysia. Beliau juga pernah memimpin Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dan telah menjadi Penasihat Khas persatuan tersebut sejak 2010.

KERTAS 3



Panel Pembentang:

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi

Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)

Tajuk : Sejarah & Legasi Politik Identiti : Cabaran Membina Negara Bangsa

Ahli akademik dalam bidang seni bina di UCSI University dan Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara. Beliau juga merupakan kolumnis akhbar serta penulis lebih 60 buku akademik. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

KERTAS 4



Panel Pembentang:

YBhg. Prof. Dr. Zaid Ahmad

Profesor, Jabatan Sejarah & Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Tajuk : Nilai, Seni, Bahasa & Budaya : Jiwa & Warisan Negara Bangsa

Profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dengan kepakaran dalam falsafah, sejarah dan pengajian ketamadunan. Beliau juga merupakan Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia (PSM).

MODERATOR



YBrs. Dr. Gregory Anak Kiyai@Keai

Pensyarah Kanan, Program Seni Rupa, Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya

Mempunyai kepakaran dalam pemeliharaan warisan budaya, seni peribumi, budaya material dan pengurusan muzium, khususnya warisan masyarakat Iban dan Dayak di Borneo. Beliau ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya, dan telah menghasilkan lebih 30 artikel jurnal akademik berkaitan warisan budaya masyarakat Iban.

HARI KEDUA : 1 DISEMBER 2026 (SELASA)

2:30 ptg - 4:30 ptg

SESI 3 : KEPELBAGAIAN, KEHARMONIAN & KESEPADUAN SOSIAL

UCAPTAMA SESI 3



YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin

Profesor Ulung, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Tajuk : Negara-Bangsa Membina Kembali Kefahaman

Pakar dalam antropologi sosial, hubungan etnik, perpaduan dan pembinaan negara bangsa. Beliau ialah Profesor Ulung di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Pemegang Kursi UNESCO dalam bidang Praktis Sosial dalam Komunikasi Antara Budaya dan Kesepaduan Sosial bagi tempoh 2023–2027.

KERTAS 5



Panel Pembentang:

YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye

Pengerusi, Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat

Tajuk : Harmoni dalam Kepelbagaian : Menghayati Nilai Kebersamaan

Tokoh masyarakat yang aktif dalam bidang perpaduan, keselamatan dan kebajikan sosial serta Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat. Beliau menerima Anugerah Tokoh Perpaduan Negara pada 2008, Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 2019 serta beberapa ijazah doktor kehormat atas sumbangannya kepada masyarakat dan negara.

KERTAS 6



Panel Pembentang:

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Azizan Baharuddin

Penasihat, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya

Tajuk : Interaksi Rentas Etnik Sebagai Wahana Penyatuan Negara Bangsa

Pakar dalam falsafah sains, dialog antara peradaban dan penganut agama, etika alam sekitar, bioetika serta hubungan sains dan agama. Beliau ialah Penasihat Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, dan mantan Ketua Pengarah IKIM bagi 2015–2021. Beliau pernah menganggotai MKI dan menghasilkan lebih 200 penulisan dalam pelbagai bentuk penerbitan.

MODERATOR



YBrs. Dr. Teo Lee Ken

Pengarah, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk SDG (APPGM-SDG)

Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen bagi Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG). Beliau mempunyai latar penyelidikan dalam sosiologi, teori sosial, politik perbandingan dan sejarah politik, serta terlibat dalam usaha memahami keperluan pembangunan komuniti akar umbi melalui kerangka SDG.

HARI KETIGA : 2 DISEMBER 2026 (RABU)

9.00 pg - 10.30 pg

SESI 4 : SYARAHAN NEGARAWAN



TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar

Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Tajuk : Keterangkuman & Kesaksamaan Rentas Wilayah

Berpengalaman dalam perkhidmatan keselamatan, perundangan dan pentadbiran negara. TYT Tun Pehin Sri pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen selama kira-kira 32 tahun, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Menteri Persekutuan dan Yang di-Pertua Dewan Negara. Penglibatannya merangkumi reformasi institusi, pindaan Perlembagaan berkaitan MA63 dan penyertaan Malaysia dalam COP21 di Paris pada 2015.

MODERATOR



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil

Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Ketua Pengarah IKIM yang berpengalaman dalam bidang syariah dan perundangan. Beliau berkhidmat di UiTM dari 1990 hingga 2020 dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah Kumpulan CIMB bagi 2014–2017. Beliau aktif dalam penyelidikan serta penerbitan dan menerima Anugerah Buku PNM 2020, kategori Dewasa Bahasa Melayu.

HARI KETIGA : 2 DISEMBER 2026 (RABU)

11.00 pg – 2.30 ptg

SESI 5 : TRANSFORMASI NEGARA BANGSA: NARATIF NASIONAL, EKONOMI & MODAL INSAN

UCAPTAMA SESI 5



YBrs. Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee

Felo Kanan Bersekutu, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Tajuk : Komunikasi Sivil : Mengurus Naratif Untuk Keharmonian

Mempunyai kepakaran dalam komunikasi media dan perhubungan awam serta pengalaman kerjaya lebih 40 tahun merentas sektor ketenteraan, korporat dan akademik. Beliau ialah Felo Kanan Bersekutu KITA, UKM, dan Felo Penyelidik Kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Taylor's University. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Kebudayaan Negara (MAKEN) sesi 2025–2027.

KERTAS 7



Panel Pembentang:

YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed

Presiden, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Melayu (UNAM)

Tajuk : Pembangunan Ekonomi Inklusif : Memperluas Penyertaan dan Kesejahteraan Rakyat

Presiden Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia (UNAM) yang berpengalaman dalam ekonomi, kewangan dan perdagangan antarabangsa. Beliau pernah berkhidmat selama 13 tahun sebagai penjawat awam dan 36 tahun dalam politik, termasuk sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Menteri Pembangunan Usahawan, Menteri Pengajian Tinggi serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

KERTAS 8



Panel Pembentang:

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Profesor Emeritus, Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia

Tajuk : Modal Insan Berkualiti, Negara Bangsa Berdaya Saing

Profesor Emeritus Universiti Sains Malaysia yang berpengalaman dalam farmakologi, kesihatan awam, pembangunan lestari dan pendidikan tinggi. Beliau ialah mantan Rektor UIAM (2018–2024) dan mantan Naib Canselor USM (2000–2011). Beliau menerima Anugerah Tokoh Akademik Negara 2017 dan Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon daripada Kerajaan Jepun pada 2019.

MODERATOR



YBhg. Dato' Dr. Ashraf bin Md Hashim

Timbalan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Timbalan Pengerusi IKIM dan mantan Profesor di Universiti INCEIF yang berpengalaman dalam kewangan Islam dan tadbir urus syariah. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028 serta mempunyai pengalaman sebagai penasihat syariah institusi kewangan di dalam dan luar negara.



PERSIDANGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

MAKLUMAT LOKASI

Kaunter Pendaftaran	:	Foyer Dewan Perdana, Aras C
Sesi Persidangan	:	Dewan Perdana, Aras C
Majlis Pembukaan	:	Dewan Perdana, Aras C
Majlis Penutupan	:	Dewan Perdana, Aras C
Ruang Pameran	:	Foyer B, Aras C
Surau	:	Aras C

KOD QR BAHAN PERSIDANGAN
PEMBINAAN NEGARA BANGSA

MAKLUMAT LANJUT SILA LAYARI LAMAN WEB
PERSIDANGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA